KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERHILITAN siasat dakwaan harimau di Kampung Santong

Jabatan belum terima laporan, segera buat pemantauan

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Dungun: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan melakukan siasatan berhubung klip video tular memaparkan kemunculan seekor harimau di kawasan Kampung Santong, Paka, dekat sini, malam kelmarin.

Pengarah PERHILITAN Terengganu, Loo Kean Seong, berkata pihaknya belum menerima sebarang laporan berhubung penemuan haiwan itu, namun akan segera menjalankan siasatan, termasuk membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

"Memandangkan ada hutan simpan berdekatan, iaitu Hutan Simpan Rambai Daun, sekiranya tidak ada konflik atau kacau ganggu, biasanya kita akan pantau dan tindakan lain akan diambil mengikut keperluan," katanya semalam.



Kelibat seekor harimau yang dirakam seorang penduduk di Kampung Santong, Paka, Dungun.
(Foto ihsan pembaca)

Video berdurasi 33 saat itu memaparkan kelibat harimau, dipercayai dirakam seorang pemandu kenderaan yang terserempak dengan haiwan itu yang keluar dari kawasan semak. Haiwan itu kemudian dipercayai melintas laluan berbatu di situ yang menjadi laluan digunakan penduduk kampung.

Rata-rata pengguna Facebook terkejut dan bimbang dengan kemunculan haiwan berkenaan.

Ia menyusul selepas kejadian 14 Januari lalu apabila seorang penternak, Ramli Mohamad, 65, dari Kampung Chabang, Kerteh, mendapati seekor daripada 25 lembu ternakannya mati dipercayai dibaham harimau yang sehingga kini belum ditangkap.